



LAWATAN PESUROH JAYA TINGGI KA BRUNEI

Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei, Sir Anthony Abell telah tiba diBrunei dari Kuching dengan menaikki kapal terbang Dakota kepunyaan sharikat Malayan Airways Limited pada petang hari Thalatha 13 November yang lalu dalam satu lawatannya yang rasmi selama enam hari.

Diantara ramai orang yang hadir diPadang Kapal Terbang Brunei kerana menyambut Tuan Yang Terutama itu, ialah Duli Yang Maha Mulia Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin; British Resident, Yang Berhormat Mr. D.C. White; Wazir Yang Pertama Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara; Wazir Yang Kedua Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Setia Usaha Sulit kabawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar; Pesuroh Jaya Perkembangan, Mr. E.R. Bevington; Penyimpan Wang Negeri, Mr. E.W. Cousens; Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri; dan Ketua2 Pejabat2 Kerajaan.

Sir Anthony Abell telah berangkat ka Muara Lodge, tempat tinggal rasmi Tuan Yang Terutama itu diBrunei selepas beliau tiba diPadang Kapal Terbang tersebut.

Pada pagi hari Rabu 14 November, Tuan Yang Terutama itu telah memereksa satu Barisan Kawalan Kehormatan terdiri dari ahli2 Police diBandar Brunei, kemudian beliau pun melawat ka Pejabat British Resident. Tuan Yang Terutama itu juga telah melawat ka beberapa Pejabat2 Kerajaan sasudah mengadakan pertemuan dengan Yang Berhormat Tuan British Resident diPejabatnya.

Pada pukul 11.00 pagi hari tersebut, Sir Anthony Abell telah berangkat ka Istana Darul Hana menemui Duli Yang Maha Mulia Sultan. Pada petang hari itu Kerajaan telah mengadakan satu Majlis Jamuan Minuman kerana mera'ikan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei.

Semasa berada diBrunei, Tuan Yang Terutama itu telah mengadakan perundingan2 dengan Pegawai2 Kerajaan, serta melawat ka tempat2 pembinaan yang mustahak dibawah Ranchangan Perkembangan Negeri atas anjoran Pesuroh Jaya Perkembangan dan juga mengadakan lawatan ka Tutong kerana menyaksikan kemajuan pembinaan jalan raya.

Tuan Yang Terutama itu berangkat ka Temburong bersama2 Duli Yang Maha Mulia Sultan pada hari Sabtu 17 November dan balik ka Kuching dengan kapal terbang Malayan Airways Limited pada pagi hari Ithnin 19 November.

LAWATAN INSPECTOR GENERAL COLONIAL POLICE KA BRUNEI

Colonel W. Angus Muller, C.M.G., Inspector General Police bagi Jajahan Ta'lok British telah melawat Negeri Brunei selama 4 hari pada bulan ini, mulai dari hari Sabtu 10 Noverber hingga ka kahi Thalatha 13 November.

Dalam masa lawatannya yang singkat itu, Colonel Angus Muller telah mengadakan perundingan2 berkenaan dengan hal ehwal Police Negeri ini dengan Yang Berhormat Tuan British Resident; Chief Police Officer, Brunei; dan Pesuruh Jaya Police Negeri Sarawak.

Semasa berada diBandar Brunei, Inspector General Police tersebut dan Pesuruh Jaya Police Negeri Sarawak itu telah menjadi tetamu kapada Yang Berhormat Tuan British Resident.

Colonel Angus Muller telah berangkat ka Seria dengan kereta pada petang hari Ahad 11 November. Pada pagi 12 November beliau telah mengadakan pertemuan dengan Managing Director, Sharikat Minyak, The British Malayan Petroleum Company Limited, Seria; dan pada petang hari itu beliau telah berangkat ka Kuala Belait serta memeriksa Balai Police, Kuala Belait.

Pada petang hari tersebut juga Colonel Angus Muller telah memeriksa Balai Police, Seria dan Pasokan Keselamatan Police Padang Minyak diSeria. Pada pagi hari Thalatha 13 November, beliau telah melawat Pasokan Police Brunei diSeria dan pada petang itu juga beliau memeriksa Pasokan Police dari Persekutuan Tanah Melayu yang sedang berkhidmat diSeria.

Satelah mengadakan lawatannya ka Seria dan ka Kuala Belait, Inspector General Police itu pun berangkat ka Miri, Sarawak pada petang hari Thalatha 13 November.

CORPORAL NO. 70

MENDAPAT HADIAH COLONIAL POLICE MEDAL

Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Negeri Brunei, telah dengan sukachitanya menganugerahkan hadiah Pingat Police Jajahan Ta'lok dan juga Perkhidmatan Lama Pasokan Pemadam Api kapada Corporal No. 70 Pengiran Damit bin Pengiran Jambul dari Pasokan Police Bandar Brunei.

PENGARAH JABATAN MA'LUMAT AMERIKA SHARIKAT MELAWAT BRUNEI

Mr. James Elliot, Pengarah Jabatan Ma'lumat Kerajaan Amerika Sharikat diSingapura, telah tiba diBrunei pada petang hari Thalatha 13 November yang lalu dengan menaikki kapal terbang Malayan Airways Limited yang membawa Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Negeri Brunei dari Kuching ka Bandar Brunei.

Lawatan Mr. Elliot ka Brunei ialah kerana hendak membiasakan dirinya dengan jajahan2 yang termasuk dibawah ta'lok kuasanya, diantaranya ialah jajahan2 dikawasan2 Borneo British.

Sabelum tiba diBrunei, Mr. Elliot telah melawat Kuching selama dua hari. Beliau telah berangkat ka Jesselton, Borneo Utara pada pagi hari rabu 14 November.

RANCANGAN PERKEMBANGAN NEGERI BRUNEIB E R A S

Beras adalah satu bahan makanan utama bagi penduduk2 Negeri ini serupa sabagai ditempat2 yang lain diAsia Tenggara. Tetapi sebelum tahun 1929 kebanyakan daripada beras yang ditanam diBrunei adalah terbangun daripada padi bukit sachara berchuchok tanam yang tidak tetap, biasanya dilerengan bukit yang jurang.

Kayu2 hutan ditebang dan dibakar, dan ditanam padi itu dilerengan bukit yang jurang itu selama satu, dua atau tiga tahun, terpulang kepada subornya tanah itu.

Dalam pertengahan dan akhir tahun 1920 - 1930, satu usaha membanyakkan penanaman padi lembah sawah telah dijalankan diantara orang2 Kedayan, iaitu puak yang banyak sekali bertani, tetapi pada tahun 1929, hanya 1,200 ekar daripada jumlah 5,200 ekar sahaja yang telah ditanam dengan padi lembah atau padi sawah. Dalam pada itu, benih padi baharu telah dimasukkan dari Malaya dan penghasilannya yang lebih tinggi itu telah menggalakkan pesawah2 padi itu membuka kawasan2 yang lebih besar lagi untuk padi sawah.

Kawasan2 diLumapas dan diKilanas telah dibuka dengan chara ini. Tetapi chara menanam padi sawah itu maseh sukar dan memakan tenaga yang banyak - kebanyakan daripada tanahnya penoh dengan paya dan payah hendak menggunakan bajak dan hanya dapat diusahakan dengan menggunakan dua, tiga atau lebih bilangan kerbau untuk menghanchurkan perlahan2 kawasan yang hendak ditanamkan itu. Kerbau itu biasanya mengharong hingga perutnya dan peladang2 yang menggembalakannya berjalan dalam lumpur yang satinggi lututnya

Dalam matahari yang panas terik, 4 darjah dari Khattulistiwa ("Equator"), pekerjaan ini menjadi sangat payah dan tidak ada manusia atau kerbau yang boleh tahan lama. Menanam padi adalah dengan menggunakan tangan, daripada batas persemaian apakala sipeladang serta keluarganya terpaksa berdiri sapanjang hari dalam panas, hingga ka lutut dalam ayer dan lumpur. Menuai juga dijalankan dengan tangan; boleh dikatakan bahawa tiap-tiap tangkai padi dipetik dengan tangan.

Perchobaan2 menggunakan perkakas mesin bagi penanaman padi telah dijalankan dalam beberapa buah negeri yang lain, tetapi perchobaan2 demikian yang telah berjaya adalah bergantung kepada tanah tegoh, kawalan ayer yang chermat, dan penggunaan kereta2 tarik.

Dalam keadaan2 yang biasa dalam Negeri Brunei, kereta2 penarik yang baharu sekali pun tidak dapat menarik perkakas2 pertanian sabagai bajak dan penuai. Kereta2 itu boleh melalui diatasnya sahaja, tetapi tidak boleh mengerjakan perkakas2 pertanian bersama.

Negeri Brunei mempunyai beberapa luas kawasan2 yang boleh diperkembangkan dengan menggunakan mesin bagi menanam padinya serta diberi tali ayer. Oleh itu, Sharikat Sir Bruce White, Wolfe Barry & Partners telah dipanggil oleh pihak Kerajaan untuk menjalankan penyelidekan berhubung dengan tali ayer dikedua2 tempat berhampiran dengan Pekan Brunei, iaitu Lumapas dan Mulaut, serta untuk menjalankan perchobaan2 dengan menggunakan perkakas mesin mengenai chara berchuchok tanam yang didasarkan kepada penarikan kawat.

Perchobaan2 mengenai perkara menanam padi dengan menggunakan mesin telah dipersetujui oleh pihak Kerajaan dengan memakan

belanja sabanyak \$635,000 ...

belanja sabanyak \$ 635,000. Perchobaan2 itu adalah mengandongi: Penanaman diatas bidang2 tanah 300 kaki lebar, dalam bahagian2 ladang yang luasnya 2 ekar.

Penyediaan tanah sachara memadatkan sahaja dalam mana sa-buah penggiling untoknya telah pun dibentok. Penanaman peralihan semaian berbaris sachara menggunakan mesin; membuang rumput dari alat pentas yang bergerak; dan menuai bermesin dengan penarikan kawat yang dituai kemudian dimasukkan kadalam tempat yang ber-gerak.

Perchobaan2 tersebut dijalankan diMulaut bagi kali perta-manya dan perbelanjaan sabanyak \$ 76,000 telah pun disediakan oleh Kerajaan Brunei kerana penyelidekan dikawasan2 Mulaut dan Lumapas itu.

Kerajaan juga telah menyediakan perbelanjaan sabanyak \$ 44,000 untok perbelanjaan bagi menyediakan ranchangan2 yang penoh dan taksiran2 yang diperlukan jikalau kawasan2 itu dida-pati sesuai diadakan tali ayer kerana menanam padi.

Sabagai satu bukti mengenai ranchangan tersebut diLumapas ada saluas 1,500 ekar tanah yang sesuai untok penanaman padi, dan salain dari itu, dijangka sabanyak 1,000 ekar tanah lagi akan dapat digunakan. Disini ayer terpaksa dipompa daripada Su-ngai Limbang, kira2 $1\frac{1}{2}$ batu jauhnya dalam Negeri Sarawak ka sa-buah kolam menyimpan ayer yang tempatnya sudah pun diketahui, dan dengan jalan ini pengawalan ayer akan dapat dijaga.

Dikawasan Mulaut pula, terdapat saluas 8,800 ekar tanah yang boleh digunakan untok penanaman padi. Sunggoh pun demikian keadaan yang menghalang jayanya ranchangan ini ialah darihal perbekalan ayer, sebab ayer Sungai Brunei adalah masin. Oleh itu, ayer yang dapat digunakan hanya dari sebuah sungai kechil, atau dari sebuah terusan yang panjang terpaksa dibuka menyambong-kan dengan Sungai Limbang. Banyaknya ayer dari sungai itu pula terhad, dan ayer yang dari Sungai Limbang itu terpaksa dipompa.

Jika sakiranya penyelidekan2 dan perchobaan2 itu berjaya, maka akan mustahaklah mengadakan parit2 untok mengayerkan kawa-san2 itu, mengawal penanaman dan penuaiannya serta memelihara kan mesin itu dalam keadaan baik.

Ladang2 yang ada sekarang harus akan disesuaikan mengikut kehendak ranchangan2 perayaran itu, dan peladang2 hendaklah di-galakkan dalam chara2 baharu ini.

Pekerja2 tempatan juga akan dilateh untok melaksana-kan ranchangan ini. Wang sabanyak \$ 1,000,000 telah disediakan oleh pehak Kerajaan Brunei kerana kerja2 perayaran dan lain-lain yang berhubong dengannya .

Pada masa sekarang, Brunei memasokkan sabahagian besar dari-pada keperluan2 besarnya daripada luar negeri - 3,200 ton beras telah dimasukkan dalam tahun 1954 untok menchukopi keperluannya sabanyak 5,000 ton itu.

Negeri ini mempunyai kawasan2 tanah lembah yang chukup un-tok menjadikannya bebas dalam perbekalan berasnya, tetapi pende-sakan buroh daripada ranchangan perkembangan Kerajaan dan padang2 minyak menyebabkan payahnya mendapat tenaga buroh yang chukup.

Chara berchuchok tanam dengan menggunakan mesin sasunggoh-nya akan dapat menghapuskan segala kesukaran menanam padi, dan untok menambahkan lagi penghasilannya bagi tiap-tiap petani yang akan mendatangkan wang tunai kerana tenaganya.

FAEDAH2 YANG BAIK TERHADAP PEKERJAAN JURU2-RAWAT DIBRUNEI
BEBERAPA BANYAK TEMPAT YANG KOSONG DISEKOLAH LATEHAN
JURU2-RAWAT DIBRUNEI

Pada masa ini Kerajaan Brunei adalah membuka peluang kepada pemuda2 diNegeri ini untuk berlatih menjadi Juru2-rawat, Penolong2 Juru2-rawat, dan Penolong2 Rumah Sakit.

Sabagai satu buktinya, Jabatan Perubatan Negeri mema'lonkan bahawa beberapa banyak pemuda2 dari sebarang bangsa adalah dikehendakki memenuhi tempat2 yang kosong diSekolah Latehan Juru2-rawat diRumah Sakit Kerajaan diBandar Brunei.

Berhubung dengan jawatan2 yang kosong itu, Pegawai Perubatan Negeri, Dr. M.T. Read menerangkan bahawa faedah2 yang besar dapatlah diperolehi daripada latehan yang dijalankan diSekolah Latehan Juru2-rawat diBrunei. Bukan sahaja Juru2-rawat itu diberi pengajaran diSekolah tersebut, bahkan mereka juga diberi peluang menjalankan pekerjaan masing2 dibilek2 rumah sakit supaya dapatlah mereka mempelajari kursus mereka dengan lebeh senang lagi.

Bertambah2 pula, tegas Dr. Read, latehan Juru2-rawat itu dijalankan dengan keadaan yang baik dan mereka itu ditempatkan di rumah kediaman Juru2-rawat yang baharu sahaja selesai dibina-kan berhampiran Rumah Sakit Kerajaan diBandar Brunei.

Mengenai so'al makanan pula, kata Dr. Read, sabuah Jawatan Kuasa Kechil terdiri dari Juru2-rawat telah dibentuk untuk membua- at shor2 berkenaan dengan chara2 makanan yang patut diberi kapad- da Juru2-rawat serta juga chara2 makanan itu patut disediakan. Ja- watan Kuasa Juru2-rawat itu adalah juga bertanggung jawab bagi memuaskan hati Juru2-rawat dalam berbagai2 lapangan saberti me- ngadakan berbagai2 jenis permainan dan sukan diantara rakan2 me- reka itu.

Latehan Juru2-rawat diluar negeri

Lebeh lanjut Pegawai Perubatan Negeri itu berharap bahawa Juru2-rawat yang berkeelayakan akan diberi peluang melanjutkan la- tehan mereka diluar negeri atas perbelanjaan perchuma dari pihak Kerajaan pada masa akan datang. Dalam masa perkhidmatan mereka, Juru2-rawat dan Penolong2 Rumah Sakit juga akan dinaikan pangkat dalam Perkhidmatan Juru-rawat Negeri Brunei menurut sabagaimana yang telah diranchangkan oleh Perkhidmatan Perubatan diNegeri ini.

Tangga gaji untuk Penolong Rumah Sakit dalam latehan adalah saperti berikut: Masa latehan itu ialah selama tiga tahun. Dalam masa itu, tiap-tiap orang Juru-rawat diberi gaji permulaan \$ 204 sabulan, ditambah \$ 8 pada tiap-tiap tahun hingga \$ 220 sabulan. Sasudah tamat pepereksaan, ia diberi gaji permulaan \$ 300 sabulan ditambah \$ 20 pada tiap-tiap tahun hingga \$ 340 sabulan; kemudian ia dikehendakki masok pepereksaan dan satelah lulus dalam peperek- saan itu, ia diberi gaji permulaan \$ 354 sabulan, ditambah \$ 18 pada tiap-tiap tahun hingga \$ 408 sabulan. Salain daripada itu, ia diberi pakaian sama dengan perchuma.

Tiap-tiap orang yang hendak meminta jawatan tersebut hen- daklah berumur 18 tahun dan telah lulus pepereksaan Darjah Tujoh atau Form 3 diSekolah Inggeris. Latehan akan dimulakan pada 1 Feb- ruary, 1957 dan kesemua permintaan hendaklah dihantarkan kapada Matron, State Hospital Brunei. Barang siapa yang berkehendak se- barang kenyataan yang lebih lanjut berhubung dengan pekerjaan yang kosong itu, dapatlah juga berhubung dengan Matron dialamat yang tersebut juga.

Tangga gaji untuk ...

Tangga gaji untuk Juru-rawat adalah seperti berikut: \$ 174 x14-188-204/Pepereksaan/320x20-340-354 pada tiap-tiap bulan dan ditambah dengan pemberian untuk barang2 chatuan sabanyak \$ 35 sabulan. Pakaian sama adalah diberi dengan perchuma dan rumah kediaman disediakan.

Permintaan2 untuk jawatan tersebut hendaklah berumur 18 tahun dan telah lulus pepereksaan Darjah Tujoh, atau Form Tiga diSekolah Inggeris. Latehan akan dimulakan pada 1 February, 1957 dan kesemua permintaan hendaklah dialamatkan kepada Matron, State Hospital, Brunei.

Tangga gaji untuk Penolong Juru-rawat ialah: \$ 174x7-195-204/Pepereksaan/220x20-260 sabulan, dan ditambah \$ 35 sabagai perbelanjaan untuk barang2 chatuan. Salain daripada itu, tiap-tiap orang diberi pakaian sama serta tempat tinggal dengan perchuma.

Orang2 yang hendak meminta jawatan tersebut, hendaklah berumur lebeh daripada 17 tahun dan telah lulus pepereksaan Darjah Lima, atau Form Satu diSekolah Inggeris. Latehan akan dimulakan pada 1 May, 1957 selama tiga tahun. Barang siapa yang berkehenah jawatan itu, hendaklah alamatkan surat masing2 kepada Matron, State Hospital, Brunei.

PEPEREKSaan TERENGKAS

Adalah diumomkan bahawa Pepereksaan Terengkas ("Shorthand") akan dilangsungkan diBandar Brunei pada hari Ithnin 10 December, 1956.

Barang siapa yang hendak masok Pepereksaan tersebut hendaklah hantarkan surat permohonannya kepada Penyimpan Wang Negeri sabelum hari Juma'at 23 November, 1956.

PENOLONG SURVEYOR YANG BAHARU

Mr. E.J. Grierson telah dilantek sabagai Penolong Surveyor yang baharu mulai dari 17 October, 1956.

TABONG DERMA KAPADA BALU TIMBANG BIN TAHIR

Sahingga ka hari ini, Persatuan Kesatuan Islam Brunei telah dapat mengumpulkan derma daripada orang ramai untuk dihadiahkan kepada balu Timbang bin Tahir sabanyak \$ 451.80 sen.

Akan diingatkan bahawa Timbang bin Tahir, saorang buruh diSharikat North Borneo Trading Company Limited, Brunei telah meninggal dunia pada 8 August tahun ini satelah digigit oleh saekor buaya dikawasan Kampong Ayer, Brunei, iaitu berdekatan dengan rumahnya diKampong Tamoi. Ia berumur 45 tahun dan telah meninggalkan saorang balu dan tujuh orang anak.

Mayat Allah Yarham itu telah dijumpa oleh penduduk2 diKampong Ayer dua hari salepas berlaku kematian yang sedih itu.

PENUNTUT2 BRUNEI DIMAKTAB ISLAM MALAYA

Menurut satu berita yang baharu sahaja kita terima dari seorang penuntut dari Brunei yang sedang melanjutkan pelajarannya diMaktab Islam Malaya, di Klang, Selangor, 6 orang penuntut2 dari Brunei yang telah belajar diSekolah Arab Aljunid, Singapura atas perbelanjaan perchuma dari Kerajaan Brunei telah berjaya dipilih baharu2 ini untuk melanjutkan pelajaran mereka ka Maktab tersebut.

Penuntut2 itu ialah: Mahalle bin Haji Abdullah, Mohammed Zain bin H. Serudin, Abdul Salam bin Abdul Razak, Abdul Hamid bin Mohd. Daud, Abdul Rahman bin Khatib Abdullah dan Abdul Hamid bin Bakal.

DARJAH2 MEMBASMI BUTA HURUF:

PENDUDOK2 KAMPONG BERKEHENDAK DIADAKAN DARJAH2 SADEMIKIAN

Satu persetujuan bahawa hendaklah Kerajaan Negeri ini mengadakan Darjah2 Membasmi Buta Huruf untuk mengajar penduduk2 Kampong dalam masa yang singkat dengan sabarapa boleh telah diluluskan dalam satu mashuarat Penghulu2 dan Ketua2 Kampong dalam Daerah Brunei yang telah diadakan diDewan Pejabat Penerangan Kerajaan, diBandar Brunei pada hari Ithnin 13 November, 1956.

Diantara para hadzirin dimajlis itu ialah Pegawai Daerah Brunei, Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Daud; Penguasa Pelajaran Melayu Negeri Brunei, Inche' Marsal bin Ma'un; dan Penaja Darjah2 Membasmi Buta Huruf antara Orang2 Dewasa, Inche' Mohamed Yusuf bin Mohamed.

Tujuan mengadakan mashuarat tersebut ialah terutamanya pihak yang berkuasa hendak mengetahui betapakah gemarnya penduduk2 diDaerah Brunei terhadap rancangan Kerajaan hendak memulakan Darjah2 Membasmi Buta Huruf, yang Pejabat Pelajaran telah menyatakan bahawa Pejabat itu telah berkechewa menjalankan rancangan tersebut.

Meskipun telah diranchangkan hendak dimulakan Darjah2 Membasmi Buta Huruf itu ditiga pusat, iaitu Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait pada bulan October yang lalu, tetapi sambutan terhadap rancangan mengadakan Darjah2 itu telah tidak memuaskan hati pihak yang berkuasa.

Penguasa Pelajaran Melayu Negeri, dalam penerangan2nya telah menerangkan bahawa pihak Kerajaan Negeri ini telah berikhtiar dengan sabarapa boleh bagi menjayakan rancangan tersebut, tetapi jawabannya adalah terpulang kepada penduduk2 diNegeri ini.

Beliau menyatakan pula bahawa oleh kerana kegemaran penduduk2 yang berkehendak diadakan Darjah2 sechara tersebut itulah, maka pihak Kerajaan telah bersetuju hendak mengadakan Darjah2 sademikian.

Mashuarat tersebut telah juga bersetuju bahawa tiap-tiap Kampong hendaklah memberi tahu kepada pihak yang berkenaan bilangan penduduk2 dari tiap-tiap kampong yang gemar hendak mengadakan darjah2 sademikian serta juga menchadangkan mana2 tempat yang sesuai bagi mengadakan darjah2 itu buat samentara. Kemudian baharulah Pejabat Pelajaran akan berunding sama ada perlu dijalankan Darjah Membasmi Buta Huruf ditempat yang dichadangkan itu atau tidak.

PERTUBOHAN PERKHIDMATAN2 KERANA MENJAGA KESEHATAN MASHARAKAT

Sabuah pertubohan yang dinamakan Pertubohan Perkhidmatan2 kerana menjaga kesehatan masharakat telah berpuncha dalam negeri Britain dengan mempunyai perasaan bertanggung jawab yang lebeh berat manakala terbit perusahaan. Dari tahun 1750 kaatas, sifat2 kahidupan diPulau2 British telah berubah dengan pantasnyanya. Manakala perusahaan bertambah, maka dua perkara telah berlaku. Kedua2 perkara itu telah menerbitkan perubahan2 yang paling besar berkenaan dengan kesehatan ramai. Demikian dinyatakan oleh Professor Fraser Brockington, saorang pakar Ilmu Perubatan diUniversity of Manchester, England dalam sabuah bukunya baharu2 ini.

Professor Brockington, yang juga menjadi Pengurusi Jawatan Kuasa Pertubohan Kesehatan Sadunia Kerana Kesehatan Sekolah, menyebutkan dalam bukunya itu bahawa dalam masa satu kurun, orang2 British telah berubah chara kehidupan mereka daripada kehidupan berladang dan tinggal dikampong2, dan bandar2 yang bertabor yang jarang mengandongi penduduk2 lebeh daripada 2,000 orang, menjadi bangsa yang berkehidupan dibandar yang sesak dengan penduduk2. Kebanyakan daripada keadaan ini, katanya, bergantung kapada arang batu - arang batu ialah bahan yang murah dan puncha tenaga yang sedia ada yang digunakan kerana menjalankan jentera2 yang baharu yang telah direka oleh orang2 yang pintar kerana hendak mengeluarkan barang2 yang bertambah2 banyak dikehendakki oleh Pasar2 negeri2 asing. Kehidupan dibandar itu telah menjadi terus menerus dalam masa 200 tahun yang lalu sahingga sekarang ini daripada 10 orang, 8 orang tinggal dalam bandar.

Bilangan penduduk2 negeri telah bertambah dengan pantasnyanya sahingga dalam masa yang tersebut itu, Pulau yang mengandongi penduduk2 yang jumlahnya lebeh sedikit daripada 5,000,000 orang telah berubah menjadi negeri yang penoh dengan orang, berjumlah sabanyak 50,000,000 orang. Bilangan penduduk2 telah bertambah dengan banyaknya, terutamanya sasudah perusahaan mula bergerak manakala bandar2 baharu telah tumbuh saperti chendawan.

Professor Brockington menyatakan bahawa bukan satu perkara yang mudah hendak mengetahui dengan tepat apa sebabnya keadaan penduduk2 diNegeri Britain telah berubah sampai begitu banyak sekali dalam masa yang pendek itu.

Satu puak yang tidak bergerak jumlahnya dalam mana bilangan yang beranak dan yang mati itu lebeh kurang 40 orang bagi tiap-tiap saribu orang telah bertambah banyak jumlahnya manakala bilangan orang yang mati itu telah menjadi kurang sebab pengetahuan2 perubahan yang baharu telah dipakai, kata Professor itu lagi, akan tetapi sebagaimana yang akan dilihat kemudian, bilangan penduduk2 Britain yang bertambah banyak itu sekurang2nya dalam kurun yang pertama perubahan itu, telah diikut pula oleh keadaan kesehatan yang bertambah burok.

Perkhidmatan kesehatan sekolah itu disatukan kerjanya dengan perkhidmatan2 kesehatan ramai yang lain. Dari mula-mula lagi orang sadar bahawa urusan kesehatan disekolah dan dirumah itu sabenarnya tidak boleh diasingkan. Pegawai Kesehatan, ialah Pegawai Perubatan Sekolah yang terutama dan kerja disekolah2 diEngland dijalankan oleh Doktor2 dan Juru2-rawat yang juga berkhidmat dengan kerja urusan kesehatan ramai. Di Britain ada lebeh kurang saorang Doktor bagi tiap-tiap 876 orang, akan tetapi melebehi bahagian2 lain dalam dunia.

Lebeh lanjut Professor Fraser Brockington menyatakan dalam bukunya tersebut bahawa jika dibandingkan dengan India, saorang Doktor adalah bagi tiap-tiap 6,300 orang penduduk2 dinegeri itu, menurut satu penyata oleh Jawatan Kuasa Penyiasatan Kesehatan dan Kemajuan India.

UNDANG2 BAHARU MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTIADAT NEGERI BRUNEI

(Sambongan dari PELITA BRUNEI No. 18)

Barang siapa memberi kepada Pendaftar kenyataan dengan perkataan atau tulisan yang, dengan satahunya palsu atau membuat keterangan sumpah berthabit dengan mana2 perkara yang dikehendakki dibawah sharat2 daripada Undang2 ini dimasukkan didalam buku peringatan atau pendaftaran oleh Pendaftar itu akan bersalah: Hukoman penjara satu bulan atau denda sabanyak saratus ringgit.

Barang siapa yang melawan dengan sharat2 yang terkandung dalam Undang2, mengislamkan atau ditudoh mengislamkan mana-mana orang, dengan sengahajanya mungkir atau lalai memberi tahu darihal itu kepada Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri akan bersalah: Hukoman penjara selama satu bulan atau denda saratus ringgit.

Barang siapa yang terpaksa dibawah Undang2 ini menjalakan tanggungannya mendaftarkan ada-apa perkara atau kejadian atau kerana membuat, menyimpan atau menjaga mana-mana sinarai hasil, buku penyata, buku kira2, anggaran2, daftar2, buku2 menerima barang atau wang, atau sinarai wang yuran atau mana-mana surat akuan, atau salinan daripadanya dengan sengahaja engan atau lalai daripada menjalankan kewajibannya itu atau telah menjalankan tanggungan2 itu dengan tidak berpatutan, akan bersalah: Hukoman penjara selama tiga bulan atau denda sabanyak dua ratus lima puluh ringgit.

Barang siapa yang melanggar sharat2 yang terkandung didalam Undang2 ini dengan tidak berpatutan telah memecah atau mengeluarkan rahsia mana-mana perkara yang menjadi tanggungannya pada menyimpan dengan sulit kepada mana-mana orang yang tidak diluluskan oleh Undang2, terhak diberi tahu, akan bersalah: Hukoman penjara selama 3 bulan atau denda dua ratus lima puluh ringgit.

Perkara 'Am

Mengikut kuasa2 dan tanggungan2 yang lain daripada kuasa pengadilan dan tanggungan yang diberi atau dilantekkan oleh Undang2 ini kaatasnya, maka hendaklah Kathi Besar itu terkena kepada perentah2 'am dan jagaan Mufti dan sakalian Kathi2 dengan jalan yang demikian itu juga hendaklah terkena kepada perentah dan jagaan Kathi Besar.

Hendaklah menjadi tanggungan Kathi Besar pada lebeh kurang waktu awal dan akhir tiap-tiap bulan membuat penyiasatan bagi menentukan haribulan yang bulan yang baharu harus nampak, dan juga membuat penyiasatan pada mana-mana hari yang tentu anak bulan itu boleh kelihatan sabenarnya dan kemudian menentu dan mengsahkan tiap-tiap kejadian itu dan harinya dengan tanda tagannya.

Pada masa memberi akuannya bagaimana yang tersebut diatas, maka hendaklah Kathi Besar itu, dengan segera memberi tahu kepada Mufti supaya disebarkan perkara itu kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Hendaklah menjadi satu sifat yang tidak boleh dibangkang mengikut Undang2 bahawa anak bulan baharu itu telah mula-mula dilihat pada hari yang telah disahkan oleh Kathi Besar itu.

Hendaklah Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri mempunyai kuasa bagi mengadakan dan mentadbirkan wang kumpolan bagi fa'edah mana-mana orang atau sakalian anggota2 Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri Brunei.

(B E R S A M B O N G)

MA'LUMAT KAPADA MENTERI2 DARAT DAN PEGAWAI2 UGAMA
YANG HENDAK BERANGKAT KA MEKAH PADA TAFUN HADAPAN

Menurut satu Ma'lumat yang dikeluarkan oleh Pejabat 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri Brunei, sakalian Menteri2 Darat dan Pegawai2 Ugama diNegeri ini yang hendak berangkat ka Mekah pada tahun 1957 dengan mendapat sokongan daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan, hendaklah mereka hantarkan permohonan masing2 dengan seberapa segera kapada Pejabat tersebut supaya permohonan mereka itu dapat dipertimbangkan oleh pihak yang berkenaan.

Adalah diperingatkan bahawa permohonan2 itu hendaklah dihantarkan ka Pejabat 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri, diBandar Brunei tidak lewat daripada hari Ithnin 10 December akan datang.

Menteri2 Darat dan Pegawai2 Ugama yang hendak menunaikan fardzu Haji sebagaimana yang tersebut adalah diperingatkan juga bahawa permohonan2 berangkat ka Tanah Suchi dengan sokongan daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan hanya akan diberi kapada Menteri2 Darat dan Pegawai2 Ugama yang belum pernah menunaikan fardzu Haji.

Sementara itu adalah difahamkan bahawa menurut bilangan bakal2 jemaah2 Haji dari Brunei pada tahun 1957, seramai 172 orang lelaki dan perempuan telah pun mendaftarkan nama2 mereka diPejabat tersebut. Pendaftaran orang2 yang hendak berangkat ka Mekah pada tahun hadapan hanya akan diterima oleh Pejabat 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri hingga 10 December, 1956.

PANCHARAN RADIO SARAWAK

D I U B A H

Mulai dari 10 November, 1956 Pancharan Radio Sarawak pada tengah hari dari pukul 12.00 - 13.15 diubah kapada 6.055 mega cycles dalam riak gelombang 49 meter band.

PEMBINAAN MASJID BAHARU DIBANDAR BRUNEI:

PEKERJAAN MEMBINAKANNYA BERJALAN DENGAN MAJU

PERKAKAS2 YANG MAHAL DARI ITALY DALAM PERJALANANNYA KA BRUNEI

Pekerjaan membina Masjid baharu diBandar Brunei, yang boleh dikatakan sebagai sebuah Masjid yang terbesar sekali dalam kawasan2 Borneo British, mengandongi Brunei, Sarawak dan Borneo Utara sedang berjalan dengan majunya. Kita tidaklah dapat nyatakan dengan tepat bilakah masanya yang pembinaan Masjid itu akan siap. Bagaimana pun, adalah dijangka yang Masjid itu akan dapat digunakan sekurang2 pada akhir tahun 1957.

Akan diingatkan bahawa pada tahun 1949, Kerajaan Brunei telah membuat satu rancangan iaitu patutlah Negeri ini mempunyai sebuah Masjid yang besar dan yang akan menjadi kemegahan kapada Negeri ini, serta juga Masjid itu akan terdiri selama beberapa abad yang akan datang. Setelah menjalankan berbagai2 penyiasatan berhubung dengan Masjid2 yang besar di beberapa buah negeri diMalaya, diantaranya ialah Masjid diMuar, Johore yang dapat digunakan oleh kira-kira 2,500 orang dllnya, maka Kerajaan telah berhasil membangunkan Masjid yang baharu diBandar Brunei pada tahun 1954. Tingginya Menara Masjid itu ialah 144 kaki, manakala Bumbong Bulatnya adalah sedikit rendah sahaja daripada Menara itu.

Menurut satu berita yang rasmi, sebanyak 296 peti2 mengandongi "Gilt Mosaic" (iaitu lukisan2 yang dibuat dari bermacam2 potongan gelas, batu, dan sebagainya yang berwarna warni), sudah pun dihantarkan dari negeri Italy ka Brunei dalam kapal S.S. "Nino Bixio". Kapal itu telah belayar ka Brunei pada 1 November, 1956; tetapi tidaklah dapat ditetapkan tarikh yang perkakas2 itu akan tiba diBrunei, kerana kapal itu tidak dapat melalui Terusan Suez dan terpaksa mengelilingi Tanjong Pengharapan (Cape of Good Hope) diAfrika Selatan.